

LEMBAH KLANG

Sinar Horion
15/12/2015

m/s 36



Umi Maksumah Abdullah menjemur karpet yang basah terkena air banjir.



Laluan menghubungkan pekan Meru dan Kapar terjejas, semalam

Meru tenggelam lagi

KLANG - Pertama kali dalam sejarah tahun ini, Meru dilanda banjir teruk sehingga hampir seluruh kawasan dinaiki air menyebabkan ratusan rumah, surau dan masjid terjejas.

Hujan lebat lebih tiga jam sekitar jam 2.30 petang kelmarin turut menyebabkan 97 orang membabitkan 25 keluarga dipindahkan ke pusat pemindahan sementara di dewan Taman Meru 3.

Bagaimanapun sekitar jam 2.15 petang semalam, kesemua mangsa kemudiannya dipindahkan ke Dewan Merak, Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Meru atas tujuan keselesaan.

Sejam kemudian, 14 orang melibatkan dua keluarga dari Taman Seri Puteri dipindahkan ke pusat pemindahan yang sama selepas kediaman mereka dinaiki air.

Keadaan mula menjadi buruk apabila sekitar jam 1 petang semalam, air melimpah ke jalan raya di Persiaran Hamzah Alang yang menghubungkan pekan Meru dan Kapar

Kali ini lebih teruk berbanding kejadian bulan Oktober, air naik sehingga paras pinggang

Jumlah mangsa banjir meningkat 443 orang

JUMLAH mangsa banjir di Selangor meningkat kepada 443 orang daripada 108 keluarga setakat jam 5.30 petang berbanding 309 mangsa daripada 77 keluarga pagi semalam.

Penolong Pengarah Operasi dan Penyelamat Bomba Selangor, Mohd Sani Harul berkata, satu pusat pemindahan baharu turut dibuka iaitu di Sekolah Kebangsaan Abdul Samad, Kapar, Klang yang

menempatkan 33 mangsa daripada tujuh keluarga.

Ini menjadikan lapan pusat pemindahan dibuka di seluruh Selangor.

"Pusat penempatannya ialah di Surau Kampung Lembah Paya, Sepang yang merekodkan jumlah mangsa teramai dengan 172 orang daripada 42 keluarga diikuti di Dewan Sekolah Menengah Kebangsaan Meru, Klang (111

orang).

"Pusat penempatan lain ialah di Surau Ladang Tuan Mee, Kuala Selangor (37 orang), Taman Gemilang di Dengkil (23 orang), Balai Raya Salak Lama, Kampung Salak Tengah di Sepang (29 orang), Balai Raya Kampung Baru Salak Tinggi di Sepang (21 orang), Dewan Majlis Perbandaran Klang (MPK) Kampung Kuantan di Klang (17 orang)," katanya.

menyebabkan jalan sesak hingga terdapat kenderaan terpaksa berpatah balik atas faktor keselamatan.

Salah seorang mangsa yang dipindahkan, Ahmad Mahadi Ramli, 62, berkata, dia dan isteri yang tinggal berdua dipindahkan ke pusat

pemindahan sekitar jam 11 malam kelmarin.

"Sebelum itu, kami ada di luar kawasan untuk selesaikan urusan peribadi. Bila tiba di rumah terkejut tengok air dah penuh di ruang tamu dan bilik tidur.

"Semua peralatan dan kabinet tak sempat nak diselamatkan. Kami ambil keputusan pindah atas nasihat pihak berkuasa," katanya kepada *Sinar Harian* ketika ditemui di pusat pemindahan, semalam.

Dia dan isterinya yang tinggal di Persiaran Hamzah Alang berkata, ini merupakan kali pertama mereka berpindah dan menyifatkan banjir ber-

kenaan sebagai terburuk di Meru.

Seorang lagi mangsa, Rosini Abu, 69, berkata, perpindahan ini adalah kali kedua melibatkan dia sekeluarga.

"Kami dipindahkan kali pertama Oktober lepas. Tapi banjir kali ini lagi teruk sampai air naik paras pinggang dalam rumah.

"Disebabkan bimbang, kami pun ikut arahan pihak berkuasa supaya berpindah," katanya.

Banjir semalam bukan sahaja berlaku di Meru, bahkan Jalan Benteng, Kapar dan Kampung Kuantan.

Berdasarkan tiga lokasi itu, sejumlah 192 orang melibatkan 39 keluarga dipindahkan melibatkan tiga pusat pemindahan.

Ketua Balai Bomba dan Penyelamat Sungai Pinang, Zaidi Athan berkata, 111 orang melibatkan 27 keluarga dipindahkan ke pusat pemindahan SMK Meru.

"Sejumlah 64 orang melibatkan tujuh keluarga dipindahkan ke Sekolah Kebangsaan Abdul Samad, Pekan Kapar.



Pemilik premis di Persiaran Hamzah Alang terpaksa menutup operasi.



Sebuah kereta terkandas dalam banjir yang melanda kawasan premis perniagaan.

LEMBAH KLANG

Sebuah surau di Perstarian Hamzah Alang turut dinaiki air



Faizal (tiga, kiri) dan Abdul Rani (berkopiah) bertanya khabar pasangan suami isteri yang merupakan mangsa banjir di pusat pemindahan SMK Meru.

“Manakala 17 orang lagi melibatkan lima keluarga ditempatkan di dewan Kampung Kuantan sehingga tengah hari semalam (kelmarin),” katanya.

Menurutnya, anggota bomba Sungai Pinang turut terlibat dalam operasi membantu dan menyelamatkan seorang mangsa, warga emas yang sakit teruk untuk dihantar ke rumah saudaranya.

Katanya, pihak bomba sentiasa memantau kejadian dan sentiasa bersiap sedia membantu dan menyelamatkan mangsa banjir.



Dalam pada itu, Adun Meru, Dr Abdul Rani Osman mengakui sistem saliran ber-

Pelbagai lapisan usia yang merupakan mangsa banjir ditempatkan di pusat pemindahan SMK Meru, petang semalam.



Orang ramai membantu warga emas, Mohd Sharip Dollah (tengah) berpindah selepas rumahnya dinaiki air.

Keadaan dalam kediaman Mohd Sharip.

masalah antara faktor yang menyebabkan berlakunya banjir di kawasan Meru.

Menurutnya, bagaimanapun selepas pembinaan longkang besar (flood drain) di hadapan Masjid As-Syariff di sini, banyak perubahan berlaku.

“Banjir yang berlaku sejak kebelakangan ini tidak kerap seperti tahun lalu.

“Dalam Sidang Dewan Negeri, saya telah bawa isu ini dan kerajaan telah meluluskan peruntukan kira-kira RM10.2 juta untuk tujuan itu,” katanya.

Tambahnya lagi, kerja-kerja itu melibatkan dua tempat.

“Kerja-kerja itu juga sudah bermula dan ia dijangka siap tahun depan,” katanya.

Ketua Umno Bahagian Kapar, Datuk Faizal Abdullah pula berkata, pihaknya dan Abdul Rani kerap bertemu dan bertembung dalam program sebegini.

“Benda ini bukan baru tetapi dah lama, kebetulan kali ini kami bertemu lagi.

“Dia wakil rakyat sudah jadi tanggungjawabnya untuk turun padang. Lagipun ini kawasannya dan saya juga pemimpin di peringkat bahagian, ini juga tanggungjawab saya menjenguk rakyat (mangsa banjir),” katanya ketika bersama Abdul Rani melawat mangsa di pusat pemindahan banjir di SMK Meru, semalam.

Menurutnya lagi, banjir sudah banyak kali berlaku di sini.

“Jadi tiada salahnya kami saling bekerjasama untuk hal-hal berkaitan rakyat dengan mengetepikan fahaman politik masing-masing,” katanya.

Sementara itu, Abdul Rani berkata, pihaknya juga tiada masalah untuk bekerjasama dengan pemimpin Umno dalam hal berkaitan rakyat di sini.

“Tak ada masalah, bila ada Pemuda Umno minta bantuan atau peruntukan kita beri, saya tak kira dia siapa dan dari parti mana.

“Agama Islam sentiasa ajar kita agar berbakti kepada sesama Islam dan juga pada bukan Islam, orang Umno juga orang Islam, jadi tak ada masalah,” katanya.